

LEBIH DARI SATU NIKMAT

Ku Muhammad Aminuddin Baki bin Ku Yakub
Pusat Islam dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Pahang
kmaminuddin@ump.edu.my

Kitaran perjalanan kehidupan ini bermula dari bayi hingga tua mengajar aku erti kesyukuran dan keabdian kepada DIA. Sungguh agung kekuasaanNYA yang telah menciptakan segalanya dan menyusun atur satu persatu di setiap sudut perjalanan di dunia ini. Setiap yang berlaku atau wujud tidak terlepas dari pengetahuanNYA. Terlintas difikiranku firman Allah swt dalam kitab Al-Quran, surah al-Furqan ayat 2:

الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ نَقْدِيرًا

Maksudnya: “Tuhan yang menguasai pemerintahan langit dan bumi, dan yang tidak mempunyai anak, serta tidak mempunyai sebarang sekutu dalam pemerintahan-Nya; dan Dialah yang mencipta segala sesuatu lalu menentukan keadaannya dengan ketentuan takdir yang sempurna.”

Tiada satu pun yang aku ingati apakah yang berlaku ketika masih bayi melainkan melalui rakaman, penceritaan atau simpanan gambar oleh ahli keluargaku. Tetapi memori-memori itu sudah cukup menjentik hati dan mengukir senyuman pada diri ini walaupun aku sendiri tidak mengingatnya. Ketika ini, aku sedar DIA telah memilih aku untuk terus membesar dari bayi menjadi dewasa. Tidak semua bayi mendapat pilihan ini, malah zuriat pertamaku juga hanya diberi peluang 3 hari sahaja selepas bersalin. Perasaan sedih sudah pasti menjelma kerana lumrah seorang manusia, tetapi dikuatkan kembali dengan qada' dan qadar dariNYA yang Maha Mengetahui apakah yang terbaik untuk hambaNYA. Itulah antara ketentuanNYA yang Maha Berkuasa, Allahuakbar!!

Manusia yang masih hidup, rezekinya tidak akan putus walaupun dirinya dalam kesulitan atau musibah. Aku pernah berkali-kali cuba menyenaraikan nikmat dan rezeki yang DIA telah berikan, namun ia hanya sekadar niat dihati. Hal ini kerana aku sedar bahawa aku tidak mampu menyenaraikan semua nikmat yang telah diberikan yang sangat banyak dan tidak dapat dikira.

Tidak sedarkah lagi diriku ?

Aku adalah hambaNYA dan telah ditetapkan tujuan penciptaanku di dunia ini.

Jangan gembira di dunia tetapi sengsara di akhirat. Jangan sengsara di dunia dan sengsara juga di akhirat. Biarlah sengsara di dunia, tetapi gembira di akhirat, atau gembira di dunia, gembira juga di akhirat.



Gambar sekadar hiasan.